



Jabatan Alam Sekitar

Department of Environment

Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

Ministry of Natural Resources & Environment

Aras 1 - 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli

No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4

62574 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 03-8871 2000

Faks : 03-8889 1040 /

03-8889 9987 (Pentadbiran)

03-8889 1978 (Kewangan)

03-8889 2693 (Integrasi)

03-8889 4151 (Udara)

03-8889 1042 (Komunikasi Strategik)

03-8889 1045 (Penilaian)

03-8889 4070 (Air Dan Marin)

03-8889 0067 (Penguatkuasa)

03-8889 9964 (Teknologi Maklumat)

03-8889 6120 (Bahan Berbahaya)

03-8889 1973/1975 (Bilik Operasi)

Laman Web : www.doe.gov.my

Rujukan kami : AS 50/013/100/080 (11)

Jilid 2

Tarikh 24 Ogos 2017

Pengarah Urusan
Awan Plasma Sdn. Bhd.
W07A1, 7th Floor, West Block
Wisma Selangor Dredging,
142C Jalan Ampang
50450 KUALA LUMPUR

Tuan,

BIDANG RUJUKAN (TERMS OF REFERENCE, TOR) BERTAJUK "THE PROPOSED 120 ACRES OF COASTAL RECLAMATION AND 50 ACRES OF WATER CHALETS (WITHOUT RECLAMATION) AT PEKAN KLEBANG SECTION III, MUKIM KLEBANG BESAR, DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA" OLEH AWAN PLASMA SDN BHD

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara di atas dan Mesyuarat bersama agensi yang telah dijalankan pada 19 Julai 2017 bagi membincangkan Bidang Rujukan (TOR) cadangan projek di atas yang telah diadakan di Jabatan ini adalah berkaitan.


2. Setelah menyemak dan meneliti Bidang Rujukan bertajuk "Terms of Reference; "The Proposed 120 Acres of Coastal Reclamation and 50 Acres of Water Chalets (without reclamation) at Pekan Klebang Section III, Mukim Klebang Besar, Daerah Melaka Tengah, Melaka"; rujukan IESB/DOE PUTRAJAYA/EIA KLEBANG/2017(2) bertarikh 23 May 2017, sukacita dimaklumkan bahawa Bidang Rujukan bagi cadangan projek di atas **DISAHKAN** dan tertakluk kepada perkara-perkara berikut yang perlu diambil kira di peringkat kajian EIA kelak:-

a) Pengurusan Air:

- i) Mengambil kira maklumat terkini Population Equivalent (PE) yang terlibat serta sistem pengolahan kumbahan yang akan dibina atau disalurkan ke loji pengolahan berpusat;
- ii) Maklumat pemantauan kualiti air laut;
- iii) Kesan penambakan kepada Sungai Lereh beserta langkah mitigasi;

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"

"Environmental Conservation, Our Shared Responsibility"



PENGIKIRAFAN MS ISO 9001 : 2008
NO. SIJIL : AR 5141

b) Pengurusan Udara:

- i) Kawalan pencemaran udara sebelum, semasa dan selepas aktiviti penambakan dijalankan.

c) Pengurusan Buangan Terjadual:

- i) Pengurusan buangan terjadual sebelum, semasa dan selepas aktiviti penambakan dijalankan;
- ii) Lokasi penstoran dan sebagainya berkaitan;

d) Lain-lain pengurusan berkaitan yang perlu dijalankan:

- i) Sebelum kajian EIA dijalankan, penggerak projek perlu mendapatkan nasihat dari MPFN;
- ii) Kajian hidraulik secara menyeluruh yang 'represent' keadaan sebenar apabila projek tambakan dijalankan serta yang berkaitan;
- iii) Penggerak projek perlu memastikan lesen 'sand source' masih dalam tempoh sebelum projek dijalankan;
- iv) Kajian terhadap 'soil treatment' perlu dijalankan;
- v) Kajian terhadap teknologi penambakan tanah;
- vi) Kajian menyeluruh mengenai pengurusan perikanan; dan
- vii) Kajian terhadap kesan penambakan kepada Sg Lereh

3. Mesyuarat juga bersetuju supaya laporan EIA juga perlu memasukkan aktiviti 'top development' yang dijangka berlaku di atas kawasan tambakan.

4. Sehubungan itu, pihak tuan bolehlah meneruskan kajian dan penyediaan Laporan EIA dengan mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 2 di atas. Pihak tuan bolehlah berpandukan kepada senarai semak pematuhan kepada Bidang Rujukan mengikut format seperti Lampiran 1 bagi memastikan kesemua skop kajian yang dinyatakan di atas diambilkira di dalam kajian EIA kelak.

5. Jabatan ini juga ingin menarik perhatian pihak tuan bahawa perakuan ke atas Bidang Rujukan ini hanya sah diterima pakai dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh surat ini dikeluarkan dan akan terbatal sekiranya Kajian EIA tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

Sekian dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(RIDZUAN ABD. RASHID)

b.p.: Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

s.k:

s.k.

(1) Pengarah Urusan
Integrated Envirotech Sdn Bhd
No. 32-2, Jalan Setiawangsa 11A
Taman Setiawangsa
54200 KUALA LUMPUR
(u.p.: Dr. Mohd Zaki Bin Dato Mohd Said)

Tel: 03-42566623
Faks: 03-42519623

(2) Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka
Aras 19, Menara Persekutuan, Bandar MITC
Hang Tuah Jaya
75450 AYER KEROH

LAMPIRAN 1

SENARAI SEMAK BAGI PEMATUHAN KE ATAS 'TOR'

| Bil | Perkara (item) dalam 'TOR' (sila nyatakan) | Rujukan Dalam Laporan EIA (sila nyatakan bab dan mukasurat yang terlibat) | Ulasan JAS (kosongkan) |
|-----|--|---|------------------------|
| | | | |